



## TERMA DAN SYARAT PROGRAM SEKOLAH RENDAH TANPA TUNAI / TERMS AND CONDITIONS OF PRIMARY CASHLESS SCHOOL PROGRAM

Terma dan syarat ini adalah terpakai ke atas murid dan ibu bapa murid atau penjaga murid yang sah yang menyertai Program “**Sekolah Rendah Tanpa Tunai**” anjuran Bank Simpanan Nasional (BSN) (“Program”). Program ini dianjurkan untuk mempromosikan penggunaan transaksi tanpa tunai di kalangan murid di sekolah rendah.

*These terms and conditions are applicable to the students and the parents or legal guardian of the students who participate in the **Cashless Primary School Program** that is organized by Bank Simpanan Nasional (BSN) (“Program”). This Program is conducted to promote the use of cashless transactions among primary school students.*

### 1. KELAYAKAN / ELIGIBILITY

- 1.1. Program ini terbuka untuk murid berumur 7 tahun hingga 12 tahun (“Murid”) yang bersekolah di sekolah rendah di Malaysia yang tersenarai sebagai Sekolah Tanpa Tunai BSN sahaja (“Sekolah”). Senarai Sekolah Rendah Tanpa Tunai BSN yang boleh dirujuk di [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my) (“Laman Web BSN”).

*This Program is only open to the students aged 7 to 12 years old (“Student”) who attended primary schools in Malaysia that are listed as BSN Cashless School only (“School”). The list of BSN Primary Cashless School may be referred to at [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my) (“BSN’s Website”).*

### 2. MEKANISME PROGRAM / PROGRAM MECHANISM

- 2.1 Ibu bapa Murid atau penjaga Murid yang sah hendaklah memberikan persetujuan bertulis kepada BSN terlebih dahulu, dalam format yang diterima pakai oleh BSN dari semasa ke semasa, bagi membolehkan Murid menyertai Program ini.

*The Student’s parent and/or legal guardian shall first provide its written consent to BSN, in the format acceptable by BSN from time to time, to allow the Student to participate in this Program.*

- 2.2 Setelah Murid berjaya menyertai Program ini:  
*Upon the Student’s successful participation in the Program:*

- a) Ibu bapa Murid atau penjaga Murid:  
*The Student’s parent or legal guardian:*

- i) perlu membeli kad (satu setiap seorang Murid) untuk kegunaan Murid bagi menikmati kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan di bawah Program ini (“Kad Murid”). Ibu bapa Murid atau penjaga Murid yang sah perlu memastikan anak-anak dibawah jagaan masing-masing mendapat Kad Murid tersebut selepas pembelian dibuat;

*shall purchase a card (each per Student) for the Student’s use to enjoy the benefits and services offered under this Program (“Student Card”). The Student’s parent or legal guardian shall ensure that the Student receives the Student Card upon performing the purchase;*

- ii) digalakkan untuk membuka akaun simpanan BSN (jika masih belum mempunyai akaun simpanan BSN) bagi memudahkan urusan pemindahan deposit ke Kad Murid. Sekiranya pemindahan dibuat dari akaun di bank lain, caj



## TERMA DAN SYARAT PROGRAM SEKOLAH RENDAH TANPA TUNAI / TERMS AND CONDITIONS OF PRIMARY CASHLESS SCHOOL PROGRAM

pemindahan (FPX) akan dikenakan ke atas setiap transaksi tersebut mengikut kadar yang ditetapkan BSN;

*are encouraged to open a BSN savings account (if has yet to have a BSN savings account) to facilitate the transfer of deposits to the Student Card. If the transfer is made from another bank account, a transfer charge (FPX) will be imposed on each transaction according to the rate set by BSN;*

- iii) hendaklah memuat turun dan mendaftar sebagai pengguna aplikasi “Orijin School”;  
*shall download and register as “Orijin School” user.*

Catatan: Aplikasi “Orijin School” dan sistem pembayaran menggunakan aplikasi tersebut khusus bagi Program ini dikendalikan dan disediakan oleh pembekal perkhidmatan pihak ketiga (yang dilantik oleh BSN). Penggunaan Aplikasi “Origin School” oleh Murid dan ibubapa atau penjaga yang sah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan dalam aplikasi tersebut.

*Note: The “Orijin School” application and the payment system using this application, specifically for this Program, are managed and provided by a third-party service provider (appointed by BSN). The use of the “Orijin School” application by students and their parents or legal guardians is subject to the terms and conditions set within the application.*

- iv) perlu menghubungkan Kad Murid dengan akaun penggunanya di aplikasi Orijin School. Setiap akaun pengguna di aplikasi Orijin School boleh dihubungkan dengan lebih dari satu Kad Murid. Ini bermakna, jika ibu bapa Murid atau penjaga Murid yang sah mempunyai lebih daripada seorang anak atau anak jagaan yang menyertai Program ini, ibu bapa Murid atau penjaga Murid yang sah boleh memantau transaksi dan penggunaan Kad Murid kesemua anak atau anak jagaannya melalui satu akaun pengguna Orijin School. Manakala, setiap Kad Murid hanya boleh dihubungkan dengan satu sahaja akaun pengguna di aplikasi Orijin School;

*shall link the Student Card to its user's account in the Orijin School application. Each user account in the Orijin School app can be linked to more than one Student Card. This means that if the Student's parent or legal guardian has more than one child or dependent participating in this Program, they can monitor the transactions and usage of all Student Cards through a single Orijin School user account. However, each Student Card can only be linked to one user account in the Orijin School application;*

- v) perlu memastikan sebarang maklumat peribadi seperti kata laluan dan nombor PIN bagi akaun penggunanya di aplikasi Orijin School sentiasa dirahsiakan;  
*ensure that any personal information, such as passwords and PIN numbers for his/her user account in the Orijin School application, is always kept confidential;*
- vi) hendaklah memantau dan mengawal:  
*shall monitor and observe:*
  - Akses ke dan penggunaan akaun pengguna di aplikasi Orijin School;



## TERMA DAN SYARAT PROGRAM SEKOLAH RENDAH TANPA TUNAI / TERMS AND CONDITIONS OF PRIMARY CASHLESS SCHOOL PROGRAM

*The access to and usage of the user account in Orijin School application;*

- Pengkreditan deposit ke Kad Murid;  
*Crediting of deposit to the Student Card;*
  - Tetapan had belanja harian menggunakan Kad Murid;  
*Daily spending limit settings using the Student Card;*
  - Tetapan nyahaktifkan Kad Murid;  
*Deactivation of Student Card setting;*
- vii) hendaklah melaporkan segera kepada Pusat Khidmat Pelanggan aplikasi Orijin School dengan mengimbas kod QR di bawah atau melayari <https://school.my/> jika berlaku atau disyaki berlaku penipuan, kecurian, kerugian atau transaksi yang tidak disahkan melibatkan Kad Murid atau aplikasi Orijin School.
- to immediately report to the Orijin School application Customer Service Center by scanning the QR code below or visit https://school.my/ in the event of or suspicion of fraud, theft, loss, or unauthorized transaction involving the Student Card or the Orijin School application.*



Kod QR Pusat Khidmat Pelanggan Orijin School  
*Orijin School Customer Service Centre QR Code*

- 2.3 Setelah menerima Kad Murid, Murid boleh menggunakan untuk melakukan traksasi “My Debit Contactless/Visa payWave” bagi tujuan pembayaran di pembaca tanpa sentuh MyDebit atau terminal Visa payWave yang tersedia di Sekolah (“Pembaca Kad/Terminal”) dengan melambaikan Kad Murid di Pembaca Kad/Terminal. Bagi tujuan ini, Murid hendaklah memastikan bahawa jumlah transaksi yang dipaparkan di Pembaca Kad / Terminal adalah tepat sebelum melakukan sebarang transaksi menggunakan Kad Murid.

*Upon receipt of the Student Card, the Student may use the Student Card to perform “My Debit Contactless/Visa payWave” transactions at MyDebit Contactless reader or Visa payWave terminal (“Card Reader / Terminal”) for payment purposes by waving the Student Card at the Card Reader / Terminal. For the said purpose, the Students shall ensure that the transaction amount displayed on the Card Reader/Terminal is correct before performing any transaction using the Student Card.*

- 2.4 Murid dan ibu bapa Murid atau penjaga Murid yang sah bertanggungjawab untuk memastikan dana mencukupi dalam Kad Murid sebelum melakukan sebarang transaksi menggunakan Kad Murid tersebut.



## TERMA DAN SYARAT PROGRAM SEKOLAH RENDAH TANPA TUNAI / TERMS AND CONDITIONS OF PRIMARY CASHLESS SCHOOL PROGRAM

*The Student and the Student's parent or legal guardian are responsible for ensuring sufficient funds in the Student Card before effecting any transaction using the Student Card.*

- 2.5 Murid tidak boleh membenarkan atau memberi kuasa kepada mana-mana pihak ketiga untuk menggunakan Kad Murid dan tidak boleh memindahkan atau melepaskan kawalan atau pemilikan Kad Murid atau menggunakan untuk tujuan yang melanggar undang-undang termasuk penipuan dan/atau tidak dibenarkan oleh BSN (jika ada).

*The Students shall not allow or empower any third party to use his/her Student Card and shall not transfer or relinquish control or ownership of the Student Card or use it for purposes which are illegal including fraud or disallowed by BSN.*

### 3. BUDI BICARA DAN HAK BSN / BSN'S DISCRETION AND RIGHTS

- 3.1 BSN berhak atas budi bicaranya untuk membatalkan, menolak atau tidak meluluskan sebarang transaksi menggunakan Kad Murid, pada bila-bila masa dengan memberikan notis yang munasabah terlebih dahulu kepada Murid, apabila berlaku salah satu daripada yang berikut:

*BSN is in its discretion entitled to cancel, reject or disapprove any transaction using the Student Card, at any time by giving a reasonable prior notice to the Student, upon the occurrence of any of the following:*

- a) Jika Murid melanggar atau mengancam untuk melanggar mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan di sini; atau

*If the Students breaches or threatens to breach any of the terms and conditions specified herein; or*

- b) Jika BSN percaya bahawa transaksi yang dilakukan atau ingin dilakukan adalah mencurigakan atau disyaki sebagai transaksi penipuan.

*If BSN believes that the transaction that has been performed or will be performed is suspicious or suspected to be a fraudulent transaction.*

- 3.2 BSN berhak untuk menolak mana-mana permohonan menyertai Program ini tanpa keperluan untuk memberikan sebab kepada pemohon dan membatalkan penyertaan Murid di dalam Program ini sekiranya terdapat pelanggaran terma dan syarat ini dan/atau salah guna Kad Murid tersebut.

*BSN reserves the right to reject any application to participate in the Program without the need to provide any reason to the applicant and to cancel the Student's participation in this Program if there is breach of the terms and conditions herein and/or misuse of the Student Card.*

- 3.3 BSN boleh mengikut budi bicaranya sendiri pada bila-bila masa menolak sebarang transaksi di Pembaca Kad/Terminal dan/atau menamatkan Kad Murid dengan serta merta tanpa keperluan memberikan sebab dan tanpa sebarang liabiliti kepada BSN apabila berlaku mana-mana peristiwa berikut:

*BSN may at its discretion at any point of time reject any transaction at the Card Reader/Terminal and/or terminate the Student Card immediately without any liability on BSN upon the occurrence of any one of the following events:*



## TERMA DAN SYARAT PROGRAM SEKOLAH RENDAH TANPA TUNAI / TERMS AND CONDITIONS OF PRIMARY CASHLESS SCHOOL PROGRAM

- a) Murid menggunakan Kad Murid sebagai pembayaran untuk atau berkaitan dengan sebarang pembelian atau aktiviti yang haram / tidak sah; atau  
*The Students use the Student Card as payment for or in connection with any illegal/unlawful purchases or activity; or*
- b) Murid menggunakan Kad Murid untuk terlibat dalam transaksi perjudian dalam talian atau  
*Students use the Student Card to engage in an internet gambling transaction or*
- c) Murid menggunakan Kad Murid sebagai pembayaran untuk transaksi yang tidak patuh syariah (berkenaan dengan akaun Islamik).  
*Students use the Student Card as payment for non-shariah compliant transaction (applicable for Islamic account).*

### **4. PENAMATAN / TERMINATION**

- 4.1. Murid dan/atau ibu bapa Murid atau penjaga Murid yang sah boleh menamatkan penyertaan Murid dalam Program ini atau menamatkan penggunaan Kad Murid oleh Murid dengan memaklumkan perkara tersebut kepada Pusat Khidmat Pelanggan Orijin School melalui e-mel (alamat e-mel: [infoschool@orijin.my](mailto:infoschool@orijin.my)), yang mana setelah itu, akses Kad Murid akan dinyahaktif dan ditamatkan serta merta.

*The Student and/or the parent or the legal guardian of the Student may withdraw the Student's participation in this Program or terminate the use of the Student Card by notifying the Orijin School Customer Service Centre via e-mail (e-mail address: [infoschool@orijin.my](mailto:infoschool@orijin.my)) whereupon the use of the Student Card will immediately deactivated and terminated.*

- 4.2 BSN berhak menamatkan penyertaan Murid dan menyahaktifkan Kad Murid dengan serta merta setelah mendapat makluman bahawa Murid berpindah ke sekolah lain yang tidak terlibat dengan Program ini atau jika penyertaan Murid dalam Program ini ditamatkan oleh BSN atas sebarang sebab atau apabila Murid mencapai umur maksimum penyertaan dalam Program ini seperti yang ditetapkan oleh BSN.

*BSN reserves the right to immediately terminate the Student's participation and deactivate the Student Card upon being notified that the Student has moved to another school that is not participating in the Program or where the use of the Student Card is terminated by BSN for any reason whatsoever atau upon the Student attaining the maximum age of participation in the Program set by BSN.*

### **5. PENGECUALIAN LIABILITI / EXCLUSION OF LIABILITY**

- 5.1. BSN tidak bertanggungjawab ke atas sebarang transaksi yang dibuat oleh Murid dan/atau ibu bapa atau penjaga Murid yang sah menggunakan aplikasi "Orijin School".

*BSN shall not be held liable for any transactions made by the Student and/or the Student's parent or legal guardian using the 'Orijin School' application.*

- 5.2. BSN tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau akibat yang timbul daripada antara lainnya penyalahgunaan, kehilangan atau kerosakan Kad Murid dan/atau aplikasi



**TERMA DAN SYARAT PROGRAM SEKOLAH RENDAH TANPA  
TUNAI / TERMS AND CONDITIONS OF PRIMARY CASHLESS SCHOOL  
PROGRAM**

“Orijin School”, sebabkan perbuatan atau kecuaian Murid dan/atau ibu bapa atau penjaga Murid yang sah.

*BSN shall not be held responsible for any loss or consequences arising from inter alia the misuse, loss or damage of the Student Card and/or the “Orijin School” application, caused by the act or negligence of the Student and/or the Student’s parent or legal guardian.*

- 5.3. BSN tidak bertanggungjawab dalam apa jua cara kepada Murid atas sebarang kesulitan, kehilangan, kerosakan atau rasa malu apa pun yang disebabkan oleh atau timbul daripada sebarang penolakan atau pembatalan apa-apa transaksi, menggunakan Kad Murid atau melalui aplikasi “Orijin School”, atas apa-jua sebab.

*BSN shall not be liable in any way to the Students for any inconvenience, loss damage or embarrassment of any nature due to or arising from any rejection or cancellation of any transaction, using the Student Card or through “Orijin School” application, for any reason whatsoever.*

- 5.5 BSN tidak bertanggungjawab atas sebarang gangguan dalam penggunaan aplikasi “Orijin School” oleh Murid dan ibubapa atau penjaga yang sah, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang kelewatan semasa proses pembayaran. Selanjutnya, BSN tidak memberikan sebarang jaminan atau representasi berkenaan produk dan/atau perkhidmatan yang tersedia dalam aplikasi Orijin School; atau bahawa aplikasi Orijin School tidak melanggar hak harta intelek mana-mana pihak. Kandungan dalam aplikasi Orijin School adalah di bawah tanggungjawab dan disediakan oleh pembekal perkhidmatan pihak ketiga iaitu pemilik aplikasi tersebut. BSN secara jelas menafikan sebarang tindakan sebagai wakil dalam apa-apa bentuk bagi pihak pembekal perkhidmatan pihak ketiga tersebut. Keselamatan maklumat yang dikongsikan oleh ibu bapa atau penjaga Murid yang sah melalui aplikasi “Orijin School” adalah di bawah tanggungjawab penuh pemilik aplikasi tersebut. Sebarang isu, aduan atau pertikaian berhubung penggunaan aplikasi “Orijin School” tersebut hendaklah dirujuk secara terus kepada pihak penyedia perkhidmatan melalui medium komunikasi yang dinyatakan di Klaus 2.2(a)(vii) di atas.

*BSN shall not be held responsible for any disruptions in the use of the “Orijin School” application by Students and their parents or legal guardians, including but not limited to any delay during payment process. Further, BSN makes no warranties or representations regarding the products and/or services available on the Orijin School application; or that Orijin School application does not infringe the intellectual property rights of any person. The content of the Orijin School application is the responsibility of and given by the third-party service provider i.e. the proprietor of the application. BSN expressly disclaims acting in any other respect on behalf of the aforesaid third-party service provider. The security of any information shared by the Student’s parent or legal guardian of through the ‘Orijin School’ application is under the sole responsibility of the owner of the application. Any issues, complaints, or disputes related to the use of the “Orijin School” application shall be referred directly to the third-party service provider via the modes of communication stated in Clause 2.2(a)(vii) above.*



**TERMA DAN SYARAT PROGRAM SEKOLAH RENDAH TANPA  
TUNAI / TERMS AND CONDITIONS OF PRIMARY CASHLESS SCHOOL  
PROGRAM**

**6. BAYARAN BERKAITAN / RELEVANT PAYMENT**

6.1	Yuran penyertaan <i>Participation fee</i>	Tiada <i>Nil</i>
6.2	Harga setiap Kad Murid <i>Price of each Student Card</i>	RM 10
6.3	Yuran pembukaan akaun simpanan BSN (jika berkenaan) <i>BSN savings account opening fee (if relevant)</i>	Tertakluk kepada yuran yang terpakai ketika pembukaan akaun <i>Subject to the applicable fee during the account opening</i>

**7. DATA PERIBADI / PERSONAL DATA**

- 7.1 Dengan menyertai Program ini, Murid dan/atau ibu bapa Murid atau penjaga Murid yang sah dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi dan butiran penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Program ini dikumpulkan, direkodkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada:

*By participating in this Program, the Student and/or the Student's parent or legal guardian hereby agree to grant permission to BSN and/or its related affiliates and/or any third party appointed by BSN, if any, and allow their personal details including but not limited to personal data and participation information as provided to BSN for the purpose of this Program to be collected, recorded, processed, and used by BSN and/or any third party appointed by BSN, if any:*

- a) untuk tujuan Program ini selaras dengan Polisi Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Web BSN;  
*for the purpose of the Program in line with the BSN Privacy Policy, which is accessible via BSN's Website;*
- b) untuk mematuhi undang-undang, peraturan, polisi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan badan penyelia;  
*to comply with the laws, regulations, policy and guideline established by the Malaysian Government and regulatory body;*
- c) untuk mematuhi perintah atau arahan Mahkamah;  
*to comply with the Court order or direction;*
- d) untuk mengesahkan status akaun dengan mana-mana pihak ketiga (jika berkenaan);  
*to confirm the account status with any third party (if relevant);*
- e) apabila diminta secara bertulis oleh Individu yang Layak; atau  
*where the Eligible Individuals request in writing; or*



## TERMA DAN SYARAT PROGRAM SEKOLAH RENDAH TANPA TUNAI / TERMS AND CONDITIONS OF PRIMARY CASHLESS SCHOOL PROGRAM

- f) untuk melindungi dan mempertahankan BSN dan aset BSN.  
*to protect and defend BSN and BSN's assets.*

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat di sini dengan terma dan syarat di bawah Polisi Privasi BSN, terma dan syarat di bawah Polisi Privasi BSN akan diguna pakai.

*In the event of any inconsistency between this Terms and Conditions with the terms and conditions under the BSN's Privacy Policy, the terms and conditions under the BSN's Privacy Policy shall prevail.*

- 7.2 Murid dan/atau ibu bapa Murid atau penjaga Murid yang sah (bagi pihak Murid) memberi kuasa kepada BSN untuk mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak, organisasi, pihak berkuasa, syarikat, korporat atau mana-mana entiti lain yang BSN anggap bersesuaian berkaitan dengan penyertaan Murid dan membenarkan pendedahan tersebut oleh pihak tersebut, jika berkaitan.

*The Student and/or the Student's parent or legal guardian (on behalf of the Student) hereby authorises BSN to procure any information from any party, organisation, authority, company, corporate or any other entity as BSN deem fit in connection with the Student's participation in this Program and authorises such disclosure by such person, if relevant.*

- 7.3 Murid dan/atau ibu bapa Murid atau penjaga Murid yang sah (bagi pihak Murid) mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:

*The student and/or the Student's parent or legal guardian (on behalf of the Student) have the right at any time to:*

- Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi;  
*Withdraw their consent for the use of Personal Data;*
- Meminta apa-apa pembetulan dilakukan/mengemaskini Data Peribadi; dan  
*Request for any correction/update of Personal Data; and*
- Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi;  
*Raise any questions regarding the use of Personal data;*

dengan menghubungi BSN sepertimana dinyatakan dalam Polisi Privasi BSN.  
*by contacting BSN as stated in BSN's Privacy Policy.*

- 7.4 Murid dan/atau ibu bapa Murid atau penjaga Murid yang sah (bagi pihak Murid) bersetuju penarikan balik kebenaran untuk menggunakan Data Peribadi mungkin menjelaskan perkhidmatan yang disediakan oleh BSN atau penyertaan Program ini dan oleh itu BSN mempunyai hak untuk menghentikan perkhidmatan BSN atau penyertaan Program ini oleh Murid dan/atau ibu bapa Murid atau penjaga Murid yang sah (bagi pihak Murid) yang dikaitkan dengan Data Peribadi tersebut dengan memberikan notis kepada Murid dan/atau ibu bapa Murid atau penjaga Murid yang sah (bagi pihak Murid).

*The Student and/or the Student's parent or legal guardian (on behalf of the Student) agrees that the withdrawal of permission to use Personal Data may affect the services provided by BSN or participation in this Program and therefore BSN has the right to discontinue BSN services or the*



## TERMA DAN SYARAT PROGRAM SEKOLAH RENDAH TANPA TUNAI / TERMS AND CONDITIONS OF PRIMARY CASHLESS SCHOOL PROGRAM

*the Student and/or the Student's parent or legal guardian (on behalf of the Student) participation in this Program associated with such Personal Data by giving notice to the Student and/or the Student's parent or legal guardian (on behalf of the Student).*

### 8. TERMA & SYARAT AM / GENERAL TERMS & CONDITIONS

- 8.1 Dengan menyertai Program ini, Murid dan/atau ibu bapa Murid atau penjaga Murid yang sah telah dianggap bersetuju:

*By participating in this Program, the Students and the parent or legal guardian of the Student are deemed to have agreed:*

- a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini dan lain-lain terma dan syarat yang terpakai kepada Program yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa; dan

*To be bound by the Terms and Conditions herein and any other relevant terms and conditions that are applicable to the Program as BSN may impose from time to time including any amendment made thereto from time to time; and*

- b) Untuk mengakses Laman Web BSN dari semasa ke semasa untuk memastikan pematuhan ke atas apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.

*To access BSN's Website on a regular basis to ensure compliance with any change or variation made to the Terms and Conditions.*

- 8.2 Murid dan ibu bapa Murid atau penjaga Murid yang sah hendaklah mematuhi semua keperluan, arahan dan panduan mengenai Program yang dikeluarkan oleh BSN dari semasa ke semasa berkenaan dengan semua perkhidmatan perbankan yang disediakan oleh BSN kepada Murid dan/atau ibu bapa Murid atau penjaga Murid yang sah.

*The Students and the Student's parent or legal guardian shall comply with all requirements, instructions and guidelines regarding the Program issued by BSN from time to time in respect of all banking services rendered by BSN to the Students and the Student's parent or legal guardian.*

- 8.3 Murid dan ibu bapa Murid atau penjaga Murid yang sah hendaklah mematuhi semua langkah keselamatan yang ditetapkan oleh BSN yang berkaitan dengan aplikasi Orijin School, Kad Murid termasuk nombor akses atau kod PIN Kad Murid tersebut dan/atau perkhidmatan perbankan yang disediakan BSN dari semasa ke semasa.

*The Student and the Student's parent or legal guardian shall observe all security measures prescribed by BSN relating to the Orijin School application, the Student Card including the Student Card's access number or PIN code and/or the Services provided by BSN from time to time.*

- 8.4 Murid dan ibu bapa Murid atau penjaga Murid yang sah juga bersetuju dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi atau maklumat dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak



## TERMA DAN SYARAT PROGRAM SEKOLAH RENDAH TANPA TUNAI / TERMS AND CONDITIONS OF PRIMARY CASHLESS SCHOOL PROGRAM

ketiga yang dilantik oleh BSN, selaras dengan Polisi Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Web BSN.

*The Students and the Student's parent or legal guardian also agree and consent to their personal details including without limitation to personal data or information being collected, processed, and used by BSN and/or third-party service providers engaged by BSN in accordance with BSN's Privacy Policy, which may be viewed on BSN's Website.*

- 8.5 Dalam apa keadaan sekalipun, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggungan terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas manapun pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaian atau sebaliknya berhubung Program ini.

*In all circumstances, BSN shall not be held responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise relating to the Program.*

- 8.6 BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggungan dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Murid dan/atau ibu bapa Murid atau penjaga Murid yang sah yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Program ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Program ini disebabkan oleh kejadian force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik, perperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.

*BSN shall not be held responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by the Student and/or the Student's parent or legal guardian resulting, directly or indirectly, from participation in the Program or otherwise. Furthermore, BSN shall not be held liable for any default of its obligation under the Program due to any force majeure event which includes but is not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.*

- 8.7 Dengan menyertai Program ini, Murid dan/atau ibu bapa Murid atau penjaga Murid yang sah (bagi pihak Murid) memberi kebenaran kepada BSN hak untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumat Murid untuk tujuan pengiklanan semasa dan akan datang, tujuan promosi dan pengumuman, dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN. Murid dan/atau ibu bapa Murid atau penjaga Murid yang sah tidak berhak untuk menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk ganti rugi ke atas butiran yang diterbitkan atau dipamerkan tersebut.

*By participating in the Program, the Students and/or the parent or legal guardian of the Student (on behalf of the Student) consent to BSN the right to publish or display the name, picture or any*



## TERMA DAN SYARAT PROGRAM SEKOLAH RENDAH TANPA TUNAI / TERMS AND CONDITIONS OF PRIMARY CASHLESS SCHOOL PROGRAM

*other information of the Students for current and future advertising, promotional and announcement purposes, in any manner that BSN and/or its authorized service providers deem appropriate. The Student and/or the Student's parent or legal guardian are not entitled to claim for the ownership or any other type of compensation on such details that are published or advertised.*

- 8.8 BSN berhak untuk meminda, mengubah, membatal atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan memberikan notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui makluman di Laman Web BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Murid dan ibu bapa Murid atau penjaga Murid yang sah.

*BSN reserves the right at its absolute discretion to amend, vary, delete or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part, at any time by giving notification within the period BSN deems reasonable prior to such amendment, variation, deletion or addition by posting at BSN's Website and/or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN thinks appropriate. Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Students and the Student's parent or legal guardian.*

- 8.9 BSN berhak mengikut budi bicaranya untuk menarik balik dan membatalkan Program dengan memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Murid dan ibu bapa Murid atau penjaga Murid yang sah secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.

*BSN at its discretion may withdraw and cancel the Program by giving at least twenty-one (21) calendar days' notice. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Student and the Student's parent or legal guardian, directly or indirectly, caused by the changes.*

- 8.10. Murid dan ibu bapa Murid atau penjaga Murid yang sah tidak boleh memindahkan hak dan kewajipannya di bawah Perjanjian ini kepada mana-mana pihak ketiga.

*The Student and the parent or legal guardian of the Student shall not assign his or her rights and obligations under this Agreement to any third party.*

- 8.11 Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Program ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai program yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara pihak BSN.

*In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Program, then these*



**TERMA DAN SYARAT PROGRAM SEKOLAH RENDAH TANPA  
TUNAI / TERMS AND CONDITIONS OF PRIMARY CASHLESS SCHOOL  
PROGRAM**

*Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Program which is not covered in these Terms and Conditions will be determined by BSN at its discretion.*

- 8.12 Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

*These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance with the laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.*

Untuk sebarang maklumat lanjut berkaitan aplikasi Orijin School, ibu bapa Murid atau penjaga Murid yang sah boleh mengimbas kod QR di bawah atau melayari <https://school.orijin.my/>.

*For more information relating to the Orijin School application, the Student's parent or legal guardian may scan the QR code below or visit https://school.orijin.my/.*



Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut berhubung Program ini, sila layari [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my) atau kunjungi mana-mana cawangan BSN.

*For more information and query relating to the Program, please visit [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my) or any BSN branch.*

**- TERMA DAN SYARAT TAMAT -  
- END OF TERMS AND CONDITIONS-**